

# Berita



PASIR GUDANG BANDAR RAYA  
INDUSTRI DAN PELABUHAN



EDISI 06  
NOV - DIS 2024

دین اللہ - جمادی الاول 1446ھ

TERBITAN RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



## PROGRAM DRILL EXERCISE SITE EMERGENCY RESPONSE ACTION (X-SERA 2024)



Edisi  
Digital

IMBAS SINI

BERITA  
MENARIK  
DI DALAM

09

SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI  
PERINGKAT PASIR GUDANG

> 11

MAJLIS PERASMIAN LAMAN  
LESTARI HIJAU MBPG

> 15

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA  
DATUK BANDAR PASIR GUDANG

# ISI KANDUNGAN

M/S

TAJUK

- 03 PROGRAM DRILL EXERCISE-SITE EMERGENCY RESPONSE ACTION (X-SERA 2024)
- 04 MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1446H PERINGKAT MASJID AN-NUR KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG DAN BACAAN DOA SELAMAT BERSEMPENA ULANG TAHUN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG.
- 05 KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR PASIR GUDANG KE JOHOR PORT BERHAD DAN MALAYSIA MARINE AND HEAVY ENGINEERING HOLDINGS BERHAD (MHB)
- 05 LAWATAN DATUK BANDAR PASIR GUDANG MENYUSURI PERAIRAN PASIR GUDANG
- 06 TAHNIAH KUMPULAN INSPIRA, TECHNOVATORS DAN PARAMETRIC MBPG ANUGERAH EMAS DI ICQCC 2024
- 06 MBPG MENANG ANUGERAH CITRA BAHASA DBP
- 07 SAMBUTAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA 2024 PERINGKAT MBPG
- 07 SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT MBPG
- 08 PROGRAM HARI KEUSAHAWANAN KOMUNITI PASIR GUDANG 2024
- 09 SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI PERINGKAT PASIR GUDANG
- 10 DATUK BANDAR PASIR GUDANG MENANDATANGANI MURAL DI TAPAK MURAL KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG (KPBPG)
- 11 MAJLIS PERASMIAN LAMAN LESTARI HIJAU MBPG
- 12 SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) PEMERKASAAN INISIATIF JOHOR SELAMAT
- 13 OPERASI BERSEPADU TUNGGAKAN CUKAI HARTA BAGI KAWASAN TERLIBAT PERSEMPADANAN SEMULA BERSAMA MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP)
- 13 OPERASI BERSAMA PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU BERKENAAN PREMIS PUSAT HIBURAN YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN DARIPADA MBPG
- 14 KARNIVAL PENCAK SILAT BERADAT ANTARABANGSA PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024 KALI KE -3
- 15 KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024
- 16 PELEPASAN KONTINJEN MBPG KE KEJOHANAN SUKAN PBT MALAYSIA (MALA) 2024
- 16 PERTANDINGAN BOLING MBPG BERSAMA MEDIA
- 16 PROGRAM KEJOHANAN TENPIN BOLING BERPASUKAN BADAN PERHUBUNGAN ANULAE NEGERI JOHOR 2024
- 17 LAWATAN PENANDA ARASAN EKSA DARI MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN (MPPn)
- 17 LAWATAN KHIDMAT KOMUNITI DAN KEPIMPINAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KE MBPG DAN KOMUNITI SETEMPAT PASIR GUDANG
- 18 LAWATAN PENANDAARASAN UNIT MEDIA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG KE MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
- 18 LAWATAN PENANDAARASAN MBPG KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP), PULAU PINANG
- 18 LAWATAN EKSA MBPG KE JABATAN KETUA MENTERI MELAKA (JKMM)
- 19 NOTIS PEMBERITAHUAN CUKAI



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Yang Berhormat  
Dato' Haji Mustaffa Kamal bin  
Dato' Haji Shamsudin  
Datuk Bandar Pasir Gudang

### PENASIHAT

Puan Nurul Ashikin binti Haji A.  
Jabar  
Setiausaha

### EDITOR

Encik Mohd Syafiq Hanis bin Hamli  
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

### PENGARANG

Encik Muhammad Fazreen bin Muhammad Zin

### PENERBIT

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

### JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhammad Sayut  
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

### HAK CIPTA TERPELIHARA

Sidang Redaksi Berita DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklumbalas, sila kemukakan kepada

### MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor  
Tel. : 07-2547777 | Faks : 07-2515260 | Laman Web : [www.mbpq.gov.my](http://www.mbpq.gov.my)

# PERASMIAN PROGRAM DRILL EXERCISE X-SERA 2024

## PROGRAM DRILL EXERCISE SITE EMERGENCY RESPONSE ACTION (X-SERA 2024)



**Program Drill Exercise - Site Emergency Response Action (X-SERA 2024)** telah berjaya dilaksanakan pada 19 November 2024 bertempat di Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan NGC Energy Sdn Bhd. Program ini dijayakan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Latihan dan Drill yang terdiri daripada Johor Port Berhad Pasir Gudang, Lotte Chemical Titan (M) Sdn Bhd, Malaysia Marine & Heavy Engineering (MMHE), VanceBioenergy Sdn Bhd, serta pelbagai agensi kerajaan termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang, Polis Diraja Malaysia (PDRM - IPD Seri Alam), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM - PKDJB, HSIJB & HSAJB), dan Jabatan Alam Sekitar.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mustaffa Kamal Bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang merangkap Penasihat PAGEMA. Majlis tersebut diadakan di perkarian parkir Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan turut dihadiri oleh Puan Faridah binti Darwis, Pengurus Fasiliti Shell Malaysia, serta Tuan William Ong Hung Boon, Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar NGC.

Latihan pada kali ini memberi tumpuan khusus kepada peranan aktif ahli PAGEMA dalam menangani situasi kecemasan, terutamanya dalam aspek tindakan awal dan bantuan mula. Walaupun fokus utama adalah kepada kesiapsiagaan ahli-ahli PAGEMA, latihan ini juga tidak menafikan peranan serta tindakan yang diambil oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, serta pihak berkuasa lain yang terlibat.

Melalui penyertaan yang lebih meluas, ahli-ahli PAGEMA sentiasa bersedia dan berada dalam keadaan siap siaga untuk menghadapi sebarang situasi kecemasan.

# MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1446H PERINGKAT MASJID AN-NUR KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG DAN BACAAN DOA SELAMAT BERSEMPENA ULANG TAHUN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1446H peringkat Masjid An-Nur Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dan Bacaan Doa Selamat sempena ulang tahun MBPG telah diadakan pada 28 November 2024.

Program ini adalah bertujuan untuk meraikan sambutan ulang tahun kelahiran Nabi Muhammad S.A.W dan ulang tahun MBPG yang keempat.



Program yang mendapat kerjasama MBPG bersama Pengurusan Masjid An-Nur Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang ini dimulakan dengan Solat Hajat, bacaan Doa Selamat dan diakhiri dengan ceramah yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Muhamad Firdaus bin Sulaiman, Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang serta YBhg. Tn Hj Bukhari Bin Abdul Rahman, Ketua Eksekutif Waqaf An-Nur.



# KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR PASIR GUDANG KE JOHOR PORT BERHAD DAN MALAYSIA MARINE AND HEAVY ENGINEERING HOLDINGS BERHAD (MHB)

YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, telah mengadakan kunjungan hormat ke dua organisasi di Pasir Gudang, iaitu Johor Port Berhad dan Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (MHB) pada 4-5 Disember 2024.

Kunjungan ini menjadi platform penting untuk YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bertukar pandangan serta berkongsi idea bersama wakil industri. Ia juga mencerminkan komitmen Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dalam memperkuuh hubungan strategik dengan sektor perindustrian, sekali gus menyokong agenda pembangunan dan kemajuan komuniti setempat.

Selain itu, kunjungan ini bertujuan menjalin kerjasama yang lebih erat antara MBPG dan pihak industri, selaras dengan aspirasi untuk memastikan pembangunan mampan serta pertumbuhan ekonomi di Pasir Gudang dapat dipacu secara efektif dan progresif. Lawatan ini turut mengukuhkan sinergi strategik yang menjadi pemangkin kepada transformasi kawasan bandar raya yang lebih maju dan dinamik.



## LAWATAN DATUK BANDAR PASIR GUDANG MENYUSURI PERAIRAN PASIR GUDANG

**14 Disember 2024** YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, telah meluangkan masa untuk menyusuri kawasan perairan di sekitar Pasir Gudang yang dikenal pasti mempunyai potensi besar untuk pembangunan sebagai destinasi pelancongan baharu.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan adalah perairan Teluk Jawa serta laluan Sungai Johor menuju ke Selat Mendana. Lawatan ini bertujuan menilai peluang pembangunan mampan yang dapat meningkatkan daya tarikan pelancongan serta menyokong ekonomi setempat.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Ahli-ahli Majlis MBPG, Ketua-ketua Jabatan, serta wakil dari Bahagian dan Unit di bawah pentadbiran MBPG.

# TAHNIAH KUMPULAN INSPIRA, TECHNOVATORS DAN PARAMETRIC MBPG ANUGERAH EMAS DI ICQCC 2024

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah kepada Kumpulan **INSPIRA**, **TECHNOVATORS**, dan **PARAMETRIC** atas kejayaan cemerlang mereka dalam meraih Anugerah Emas pada 49th International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024, yang dianjurkan oleh Sri Lanka Association for the Advancement of Quality and Productivity (SLAAQP) pada 11-13 November 2024.

Ketiga-tiga kumpulan yang mewakili MBPG ini bersaing dengan lebih 480 pasukan dari seluruh dunia, dengan 21 daripadanya mewakili Malaysia dalam penyertaan atas talian. Sebanyak 25 orang delegasi, terdiri daripada 18 peserta dan anggota urusetia, telah membawa nama MBPG dengan penuh bangga di peringkat antarabangsa.



## MBPG MENANG ANUGERAH CITRA BAHASA DBP



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mencipta sejarah sebagai satu-satunya Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia yang menerima Anugerah Citra Bahasa Peringkat Kebangsaan pada 12 November 2024 di Majlis Apresiasi Citra DBP yang diadakan di Kuala Lumpur. MBPG terpilih bersama 17 agensi kerajaan lain dari seluruh Malaysia yang turut menerima pengiktirafan ini.

Anugerah Citra Bahasa ini diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia kepada agensi awam yang menunjukkan amalan penggunaan Bahasa Melayu yang tinggi (Aras 5) dalam urusan harian mereka. Kriteria penilaian termasuk penyediaan dokumen rasmi, poster, iklan, dan pencapaian penarafan bintang Pihak Berkuasa Tempatan dari tahun 2013 hingga 2023.



Selain daripada penganugerahan Citra Bahasa, majlis ini juga turut meraikan pemenang-pemenang dalam pertandingan komik jawi, Tunas Cipta 2021-2022, Ikon Bahasa 2024, serta anugerah bagi hadiah Citra Bahasa.

Anugerah ini disempurnakan oleh YBhg. SN Dato' Dr. Anwar Ridhwan, Pengurus Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, yang turut dihadiri oleh YBrs. Dr. Hazami bin Jahari, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

# SAMBUTAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA 2024 PERINGKAT MBPG



Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa 2024 Peringkat MBPG telah berlangsung pada 10 Disember 2024 yang dimulakan dengan penganjuran ceramah bertajuk Kesalahan-Kesalahan Utama Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Tuan Mohd Hassan bin Suleimi, Penolong Kanan Penguasa SPRM Negeri Johor, dan telah melibatkan seramai 60 peserta yang terdiri daripada warga kerja MBPG, serta ketua-ketua Jabatan, Bahagian, dan Unit MBPG. Program ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan rasuah dan pencegahannya, sesuai dengan undang-undang yang ditetapkan oleh Akta 694.

Turut hadir dalam program ini, Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar, Setiausaha MBPG, serta PKPj Tuan Sheikh Hamadi bin Sheikh Abdul Hamid, Timbalan Pengarah SPRM Negeri Johor.

## SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT MBPG

Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat MBPG dengan tema ‘Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi’ telah diadakan pada 5 November 2024. Penganjuran program ini dilaksanakan dalam dua sesi utama yang memberi fokus kepada nilai integriti dalam kalangan warga kerja MBPG dan pihak berkepentingan.

Sesi pertama menyaksikan penceramah jemputan, Dato' Dr Haji Fadzilah Kamsah, yang telah menyampaikan ceramah bertajuk ‘Kenali Diri, Serlahkan Potensi’, yang memberi pencerahan dan motivasi kepada para peserta. Sesi kedua pula mempersembahkan tayangan khas filem Sheriff: Narko Integriti, yang menyampaikan mesej penting mengenai nilai integriti dalam kehidupan seharian.

Penganjuran program ini turut disertai oleh lima pihak berkuasa tempatan (PBT) lain dalam kawasan Johor, iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Majlis Perbandaran Pengerang (MPP), dan Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT). Turut hadir pada sesi perkongsian ceramah, Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang.



# PROGRAM HARI KEUSAHAWANAN KOMUNITI PASIR GUDANG 2024



Hari Keusahawanan Komuniti Pasir Gudang 2024 telah diadakan pada 24 November 2024 bertempat di Dataran Al-hamra, Pasir Gudang. Program ini diadakan dengan tujuan untuk memperkasa literasi keusahawanan serta mempromosikan perniagaan mampan di kalangan komuniti setempat.

Antara pengisian menarik yang telah diadakan adalah sesi perkongsian taklimat mengenai Kepentingan Bahan Halal Dalam Produk yang disampaikan oleh pihak Johor Toyibin Laboratories, serta bengkel keusahawanan oleh Encik Ridzuan Khalid yang membincangkan topik Personal Branding, Business Pitching, dan Content Ideas.

Pelbagai booth dan food truck turut memeriahkan acara, antaranya adalah Jualan Rahmah oleh Pasaraya Maslee, 46 tapak dari kebun komuniti Pasir Gudang, Waqaf Tani Komuniti Taman Cendana, PERNITA, Koperasi Wawasan MBPG Johor Berhad, serta penyertaan daripada Peserta Usahawan ERA dan Peserta Usahawan Jutawan. Selain itu, komuniti dan peniaga Pasir Gudang turut serta dalam menjayakan program ini.



# SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI PERINGKAT PASIR GUDANG

## Deepavali

**YB DATO' HAJI**

**7.00 MALAM -  
10.30 MALAM**

**91**

**DEEPAVALI  
PERINGKAT  
PASIR GUDANG**



Sambutan Perayaan Deepavali atau dikenali juga sebagai Pesta Cahaya, telah menjadi acara tahunan yang disambut dengan penuh keceriaan oleh masyarakat Hindu di seluruh negara. Tahun ini, sambutan Deepavali di peringkat Pasir Gudang telah diadakan pada 9 November 2024 di Dewan Muafakat Taman Mawar dengan lebih daripada 500 orang penduduk dan jemputan yang turut hadir memeriahkan acara.



Pelbagai persembahan kebudayaan yang mempamerkan kepelbagaian bangsa dan budaya telah ditampilkan untuk meraikan sambutan edisi kali ini. Acara ini menjadi simbol perpaduan dalam masyarakat Pasir Gudang yang sentiasa menghargai kepelbagaian budaya.

Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar MBPG, turut hadir untuk menyantuni majlis dan bersama-sama memeriahkan sambutan tersebut. Turut hadir untuk memeriahkan majlis adalah Ketua WHIP MBPG, YBhg. Dato' Hj. Mohd Amin bin Ahmad serta Ahli-ahli Majlis MBPG.



# DATUK BANDAR PASIR GUDANG MENANDATANGANI MURAL DI TAPAK MURAL KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG (KPBPG)



YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, telah berkesempatan untuk menandatangani mural di Tapak Mural Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang (KPBPG) pada 5 Disember 2024.



Mural yang dilakar ini membawa makna yang sangat signifikan, menggambarkan penglibatan pelbagai agensi di bawah UTC Pasir Gudang sebagai penyedia perkhidmatan utama kepada masyarakat. Lakaran tersebut turut mempromosikan lokasi-lokasi ikonik dan aktiviti pelancongan yang menarik di Pasir Gudang.

Inisiatif mural ini adalah satu langkah strategik dalam usaha untuk menghidupkan semula UTC Pasir Gudang sebagai sebuah lokasi tumpuan utama, terutamanya bagi penduduk setempat yang ingin mendapatkan perkhidmatan serta produk jualan yang ditawarkan. Ia juga merupakan langkah awal dalam usaha UTC Pasir Gudang untuk mengembalikan semula pusat ini sebagai Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang berperanan sebagai pusat sehenti yang lengkap dan efisien.





# MAJLIS PERASMIAN LAMAN LESTARI HIJAU MBPG

Majlis Perasmian Laman Lestari Hijau MBPG telah berlangsung pada 8 Disember 2024 di Tapak Semaian MBPG. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, bersama isterinya, Datin Masrita binti Masnun, Pengurus Puspanita MBPG.

Perasmian ini melibatkan lawatan penuh ke setiap plot tapak semaian di Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG, serta penyerahan simbolik bakul peralatan semaian dan pertanian kepada wakil-wakil yang terlibat.

Inisiatif Laman Lestari Hijau MBPG adalah manifestasi daripada usaha MBPG dalam mengimplementasikan amalan Bandar Berkarbon Rendah. Laman ini dirancang untuk membina sebuah bandar yang memanfaatkan teknologi hijau secara lestari, mengamalkan prinsip-prinsip hijau, serta mengurangkan jejak karbon dengan efektif. Pelaksanaan Laman Lestari Hijau MBPG melibatkan penyertaan enam orang warga kerja MBPG dari setiap Jabatan, Bahagian dan Unit.

Dengan komitmen penuh terhadap keberlanjutan dan inovasi hijau, MBPG mengukuhkan tekad untuk membina masa depan yang lebih lestari, seiring dengan perkembangan global ke arah bandar yang ramah alam sekitar.



# SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) PEMERKASAAN INISIATIF JOHOR SELAMAT



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Sesi Focus Group Discussion (FGD) pada 11 Disember 2024. Program ini bertujuan untuk memperkasakan Inisiatif Johor Selamat. Sesi yang melibatkan pelbagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam kawasan Johor-Singapore Economic Zone ini, termasuk Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Majlis Perbandaran Pengerang (MPP), serta Majlis Perbandaran Pontian (MPPn), bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam usaha memastikan keselamatan dan kesejahteraan kawasan ini.


Pelaksanaan Sesi FGD ini memberi penekanan kepada perolehan input serta maklum balas yang konstruktif berkaitan dengan hala tuju pelaksanaan Inisiatif Johor Selamat, khususnya bagi setiap projek yang telah dicadangkan. MBPG ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua pegawai yang hadir dan terlibat secara aktif dalam sesi perbincangan ini, yang pastinya memberikan sumbangan berharga dalam merangka langkah-langkah strategik untuk kesejahteraan bersama.



## OPERASI BERSEPADU TUNGGAKAN CUKAI HARTA BAGI KAWASAN TERLIBAT PERSEMPADANAN SEMULA BERSAMA MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP)

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) bersama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah melaksanakan Operasi Bersepadu Waran Tahanan (Borang F) ke atas pemilik harta yang mempunyai tunggakan cukai harta pada 21 November 2024 di kawasan Bandar Seri Alam, Pasir Gudang. Operasi ini dilaksanakan ke atas pemilik yang memiliki tunggakan cukai harta semasa pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), kini dikenali sebagai MBIP, serta tunggakan yang masih tertunggak di bawah pentadbiran MBPG.

Turut serta dalam operasi ini adalah 15 kakitangan daripada Bahagian Cukai Harta, Jabatan Penilaian, Jabatan Kewangan, Jabatan Penguatkuasaan, serta anggota Polis Pasir Gudang. Selain itu, 5 pegawai daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri turut bersama-sama menjayakan operasi sitaan dan pecahbuka ini.



## OPERASI BERSAMA PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU BERKENAAN PREMIS PUSAT HIBURAN YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN DARIPADA MBPG



Operasi bersama antara Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Pejabat Daerah Johor Bahru telah dilaksanakan pada 27 November 2024 di tiga premis yang telah dikenalpasti menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah daripada MBPG. Operasi ini melibatkan tindakan sitaan terhadap alat guna niaga yang digunakan oleh premis-premis tersebut. Selain itu, penutupan premis turut dikuatkuasakan bagi memastikan ia tidak beroperasi sehingga lesen yang sah diperoleh daripada MBPG.



Tindakan penguatkuasaan ini diambil berdasarkan peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPPG) 2017, iaitu:

**UUK 3(1)** - Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPPG) 2017:

Tiada premis yang boleh digunakan untuk sebarang aktiviti perniagaan atau perindustrian di kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang tanpa lesen yang sah daripada Yang Dipertua MBPG dan fi lesen yang ditetapkan.

**UUK 49(2)** - Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPPG) 2017:

Yang Dipertua berhak untuk mengarahkan penutupan serta-merta mana-mana premis yang beroperasi tanpa lesen atau melanggar syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan, sehingga lesen yang sah dikeluarkan atau diperbarui.

Tindakan ini bertujuan untuk menjaga ketertiban perniagaan dan memastikan semua aktiviti perniagaan dilaksanakan secara sah dan teratur.



# KARNIVAL PENCAK SILAT BERADAT ANTARABANGSA PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024 KALI KE-3

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan kerjasama PESAKA Daerah Johor Bahru, telah berjaya menganjurkan Karnival Pencak Silat Beradat Antarabangsa Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2024 kali Ke-3 pada 25 hingga 28 Disember 2024 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar, Pasir Gudang. Karnival ini telah menarik penyertaan seramai 16 perguruan, termasuk negara tuan rumah Malaysia, Indonesia, dan Singapura.

Karnival ini menyaksikan persaingan sengit dalam tiga kategori utama: Kategori Pra Remaja (12-13 Tahun), Kategori Remaja (14-17 Tahun), dan Kategori Dewasa (18-45 Tahun). Peserta-peserta dari pelbagai negara, termasuk Sudan, Yemen, dan Algeria, turut memeriahkan acara ini, menunjukkan semangat persaudaraan yang erat dalam dunia pencak silat.



Majlis penyampaian cenderahati kepada jurulatih pasukan disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Ibrahim bin Mohd Salleh, Yang Dipertua PESAKA Daerah Johor Bahru. Turut diberi penghargaan adalah pesilat-pesilat dari Sudan, Yemen, dan Algeria atas sumbangan mereka yang luar biasa dalam memperkuatkkan lagi kerjasama antarabangsa dalam sukan silat.

Sementara itu, majlis penyampaian hadiah untuk Pesilat Terbaik Putera, Pesilat Terbaik Puteri, Pesilat Harapan Putera, dan Pesilat Harapan Puteri telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Amin bin Ahmad, Ketua Whip Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Juara keseluruhan dalam setiap kategori, iaitu Pra Remaja, Remaja, dan Dewasa, telah diumumkan dalam satu majlis penuh gemilang, dengan penyampaian hadiah disampaikan oleh En. Norazman bin Ahmad, Yang Mulia Panglima Perang, Ayahman Naib Yang Dipertua 1, Majlis Dewan Perguruan Persilat Negeri Johor.

Sebagai kemuncak kepada karnival yang penuh bermakna ini, hadiah bagi Tempat Ketiga Keseluruhan, Naib Juara Keseluruhan, dan Juara Keseluruhan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang.

## **Pesilat Terbaik Putera**

Nama: Muhammad Shahrul Haikal  
Pasukan: Kelab Silat Olahraga Firastri

## **Pesilat Terbaik Puteri**

Nama: Nur Aleesya Dania  
Pasukan: Seni Golok A

## **Pesilat Harapan Putera**

Nama: Nuh Danish Aqil  
Pasukan: Kelab Silat Olahraga Firastri

## **Pesilat Harapan Puteri**

Nama: Syifa Arsyia Damia  
Pasukan: Cimande Fighter A

## **Juara Keseluruhan Kategori Pra Remaja**

Pasukan: Perguruan Sendeng Belalang Singapura

## **Juara Keseluruhan Kategori Remaja**

Pasukan: Perguruan Sendeng Belalang Singapura

## **Juara Keseluruhan Kategori Dewasa**

Pasukan: Perguruan Sendeng Belalang Singapura

## **Keputusan Juara Keluruhan Pasukan:**

Pasukan Johan: Perguruan Sendeng Belalang Singapura

Jumlah Pingat: 28 Emas, 14 Perak, 15 Gangsa

Pasukan Naib Johan: Kelab Silat Olahraga Firastri

Jumlah Pingat: 14 Emas, 15 Perak, 14 Gangsa

Pasukan Ketiga: Kelab Fatani Johor

Jumlah Pingat: 9 Emas, 7 Perak, 10 Gangsa

Dengan kejayaan yang luar biasa ini, karnival tersebut tidak hanya mempereratkan hubungan antara negara, malah memperlihatkan keunggulan pencak silat sebagai seni bela diri yang penuh dengan nilai budaya dan semangat kesukuan. Kejayaan ini juga membuka peluang untuk lebih banyak kerjasama dan perkembangan dalam dunia pencak silat di peringkat antarabangsa.



# KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG



Kejohanan Sepak Takraw Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2024 yang berlangsung pada 14 Disember 2024 di Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang dan Atrium, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang. Kejohanan ini menyaksikan penyertaan seramai 48 pasukan yang terdiri daripada pasukan-pasukan dari Malaysia dan Singapura.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang. Turut hadir memeriahkan majlis adalah Dato' Hj. Abdul Halim bin Suleiman, Presiden Persatuan Sepak Takraw Johor.

Pemenang-pemenang kejohanan ini membawa pulang Hadiah Wang Tunai, Piala Pusingan, Piala Iringan, dan Medal. Berikut adalah senarai pemenang:

**Johan - RM3,000.00 – TKY A**  
**Naib Johan - RM1,500.00 – FUDDIN ZAP**  
**Ketiga - RM600.00 – TKY B**  
**Ketiga - RM600.00 – AM RYAN B**  
**Sagu Hati - RM200.00 – WARISAN KOTA**  
**Sagu Hati - RM200.00 – PKNS B**  
**Sagu Hati - RM200.00 – AM RYAN A**  
**Sagu Hati - RM200.00 – PS KULAI**



MBPG mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan berharap kejohanan ini dapat diteruskan lagi pada edisi akan datang.



# PELEPASAN KONTINJEN MBPG KE KEJOHANAN SUKAN PBT MALAYSIA (MALA) 2024

Pelepasan Kontinjen MBPG ke Kejohanan Sukan PBT Malaysia (MALA) 2024 telah diadakan pada 6 November di hadapan pintu utama Menara Aqabah, Pasir Gudang.

Gimik pelepasan berlangsung dengan penuh simbolik, di mana YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, menerima penyerahan baju kontinjen MBPG daripada wakil kontinjen. Selain itu, bendera MBPG juga diserahkan kepada wakil kontinjen oleh YB Datuk Bandar, sebagai tanda semangat juang yang akan dibawa ke kejohanan tersebut.

MBPG telah menghantar seramai 39 atlet dan 2 orang urus setia untuk mewakili Pasir Gudang dalam dua acara utama, iaitu bola sepak dan bola jaring



## PERTANDINGAN BOLING MBPG BERSAMA MEDIA

Pertandingan Boling MBPG Bersama Media telah diadakan pada 25 November 2024 di Leisure Bowl, Leisure Mall. Acara ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi hubungan silaturahim antara MBPG dan pihak media arus utama.

Sebanyak 17 kumpulan, terdiri daripada wakil-wakil media dan MBPG, telah mengambil bahagian dalam pertandingan boling yang penuh semangat ini. Keakraban dan kerjasama yang terjalin sepanjang acara ini membuktikan komitmen kedua-dua pihak dalam mempereratkan hubungan yang sedia ada.

MBPG ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan media yang turut serta, serta atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan program ini. Semoga kerjasama ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada semua pihak.

## PROGRAM KEJOHANAN TENPIN BOLING BERPASUKAN BADAN PERHUBUNGAN ANULAE NEGERI JOHOR 2024

Kejohanan Tenpin Boling Berpasukan Badan Perhubungan ANULAE Negeri Johor 2024 telah berjaya dilaksanakan pada 16 November 2024 di Lite Superbowl, Leisure Mall Taman Pelangi Johor Bahru. Kejohanan ini melibatkan penyertaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan ANULAE Cawangan/Kawasan termasuk Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Daerah Kota Tinggi, Cawangan Segamat, Kawasan Tangkak, Cawangan Johor Timur, serta Cawangan Johor Barat.



### Keputusan Kejohanan:

- Juara: **Majlis Bandaraya Pasir Gudang B**
- Naib Juara: **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri A**
- Ketiga: **Majlis Bandaraya Johor Bahru A**
- Keempat: **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri B**
- Kelima: **Cawangan Johor Timur**
- Keenam: **Cawangan Johor Barat A**
- Ketujuh: **Majlis Perbandaran Kulai A**
- Kedelapan: **Majlis Perbandaran Segamat**
- Kesembilan: **Majlis Perbandaran Muar A**
- Kesepuluh: **Majlis Daerah Tangkak**

Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Tuan Hj Emrizal bin Abdul Rahman, Pengurus Badan Perhubungan ANULAE Negeri Johor. Program ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara semua Pihak Berkuasa Tempatan ANULAE Negeri Johor, sambil memperkuuh semangat kekeluargaan dalam kalangan peserta.



## LAWATAN PENANDA ARASAN EKSA DARI MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN (MPPn)

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan sukacitanya menerima kedatangan delegasi dari Majlis Perbandaran Pontian (MPPn) pada 11 November 2024 yang diketuai oleh En. Norazali bin Zainudin, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MPPn. Lawatan ini bertujuan untuk menjalankan hubungan serta melakukan penanda aras dalam pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Sesi lawatan dimulakan dengan pembentangan taklimat terperinci mengenai pelaksanaan EKSA di MBPG, termasuk kreativiti dan inovasi yang telah diperkenalkan dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan persekitaran di pihak berkuasa tempatan ini. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam merangkap penyelaras EKSA MBPG.

Delegasi dari MPPn turut dibawa melawat ke beberapa zon EKSA yang telah dilaksanakan di MBPG, antaranya Zon Kuprum, Zon Platinum, Zon Zirkonium, serta Zon Induk EKSA MBPG, untuk melihat secara langsung amalan terbaik yang telah diterapkan dalam usaha mewujudkan persekitaran kerja yang lebih berkualiti dan mesra alam.

## LAWATAN KHIDMAT KOMUNITI DAN KEPIMPINAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KE MBPG DAN KOMUNITI SETEMPAT PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) menerima lawatan delegasi mahasiswa dan mahasiswi daripada Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung dari 14 hingga 15 Disember 2024. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta memperkuatkkan pengetahuan para pelajar mengenai Pembangunan dan Kepimpinan Kebun Komuniti di Pasir Gudang.

Sesi lawatan dimulakan dengan perkongsian yang mendalam mengenai inisiatif pembangunan kebun komuniti di Pasir Gudang, dengan penekanan pada kepimpinan yang diterapkan dalam setiap projek kebun. Para pelajar turut berkesempatan melawat kebun-kebun komuniti di Jalan Bacang 1, Bacang 2, dan Duku, yang merupakan contoh kejayaan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pertanian dan pembangunan komuniti.

Selain itu, delegasi juga dibawa melawat beberapa destinasi menarik di sekitar Pasir Gudang, termasuk Sarang Buaya dan Muzium Layang-Layang, yang menonjolkan keunikan alam semula jadi serta warisan budaya di Pasir Gudang.



Unit Media MBPG telah berpeluang mengadakan lawatan penanda arasan ke Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) pada 4 November 2024. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari serta bertukar idea mengenai pelaksanaan penerbitan MBAS TV, yang merupakan salah satu inisiatif dalam memperkuuhkan peranan media di pihak berkuasa tempatan.

Dalam lawatan tersebut, delegasi MBPG telah menghadiri sesi taklimat yang disampaikan oleh En. Bohari Md. Yusof, Pengarah Jabatan Korporat dan Strategik MBAS. Sesi ini memberi pendedahan yang sangat berguna mengenai selok-belok pelaksanaan penerbitan MBAS TV, yang berperanan penting dalam menyebarkan informasi dan meningkatkan komunikasi antara MBAS dan komuniti setempat.

MBPG ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) atas sambutan mesra dan perkongsian ilmu yang sangat berharga sepanjang sesi lawatan ini. Diharapkan, lawatan ini dapat memperkaya pengalaman serta mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua majlis dalam memajukan komunikasi media di peringkat tempatan.



#### LAWATAN EKSA

#### MBPG KE JABATAN KETUA MENTERI MELAKA (JKMM)

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengadakan lawatan penanda arasan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) pada 26 November 2024. Delegasi MBPG telah disambut mesra oleh Ketua Penyelaras EKSA JKMM, Puan Mawarni binti Abdullah, bersama-sama dengan Ketua Jawatankuasa Induk EKSA JKMM.

Sepanjang lawatan, delegasi MBPG telah diberi taklimat terperinci mengenai pelaksanaan EKSA di JKMM, yang memberi tumpuan kepada pengurusan ruang pejabat yang lebih teratur dan efisien. Selain itu, delegasi turut dibawa melawat beberapa Zon EKSA JKMM yang terkenal, antaranya Zon Tun Sri Lanang dan Zon Senaja, bagi melihat sendiri amalan dan inovasi yang diterapkan dalam meningkatkan persekitaran kerja yang kondusif.

Sesi lawatan diakhiri dengan majlis pertukaran cenderahati antara wakil MBPG, En. Mohd Syafiq Hanis bin Hamli, Ketua Penyelaras EKSA MBPG, dan Puan Mawarni Abdullah, sebagai simbolik penghargaan atas sambutan mesra dan perkongsian ilmu yang diberikan.

#### LAWATAN PENANDAARASAN UNIT MEDIA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG KE MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR



#### LAWATAN PENANDAARASAN MBPG KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP), PULAU PINANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) berpeluang untuk mengadakan lawatan penanda arasan ke Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pulau Pinang pada 7 November 2024 yang melibatkan seramai 22 warga kerja MBPG. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi idea serta mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan Sistem Pengurusan Terpadu (Integrated Management System, IMS) yang telah berjaya diterapkan oleh MBSP melalui Jabatan Korporat.

Sesi taklimat yang mendalam mengenai pengurusan IMS telah disampaikan oleh Puan Rohanawati binti Ahmed, Ketua Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Korporat MBSP. Taklimat ini memberikan pendedahan yang amat bernilai kepada delegasi MBPG mengenai pendekatan bersepada yang diambil oleh MBSP dalam meningkatkan keberkesanan operasi mereka, yang tentunya memberi manfaat besar dalam usaha memajukan pengurusan di pihak berkuasa tempatan.

MBPG ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) atas sambutan yang mesra serta perkongsian ilmu yang sangat berharga sepanjang lawatan ini.



**GRAND PRIZE  
PERODUA AXIA**

# CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2025

BAYAR DAN MENANG

Sila jelaskan cukai harta mulai  
1 Januari 2025 hingga 31 Ogos 2025

Sila rujuk laman web MBPG bagi syarat kelayakan  
[www.mbgp.gov.my/](http://www.mbgp.gov.my/)

SILA IMBAS KOD QR  
DI BAWAH

**SYARAT DAN TERMA**

**MBPG PASIR GUDANG**

[www.mbgp.gov.my](http://www.mbgp.gov.my) [mbpg@johor.gov.my](mailto:mbpg@johor.gov.my) [Majlis Bandaraya Pasir Gudang](#) [majlisbandarayapg\\_official](#)

MAJLIS BANDARAYA  
PASIR GUDANG

REBUT PELUANG  
**CENDERAHATI**  
EDISI TERHAD TAHUN 2025

SILA IMBAS  
KOD QR

**TERMA & SYARAT  
KELAYAKAN**

**JOM BAYAR  
CUKAI  
HARTA  
TAHUN 2025**

**MBPG**  
BANDAR RAYA PASIR GUDANG

**MBPG PASIR GUDANG**

[www.mbgp.gov.my](http://www.mbgp.gov.my) [mbpg@johor.gov.my](mailto:mbpg@johor.gov.my) [cukai@mbgp.gov.my](mailto:cukai@mbgp.gov.my) [Majlis Bandaraya Pasir Gudang](#) [majlisbandarayapg\\_official](#)



## PAUTAN INFORMASI



## IMBAS



Majlis Bandaraya Pasir Gudang



majlisbandarayapg\_official



Saluran Aduan SISPAA



[www.mbgp.gov.my](http://www.mbgp.gov.my)



Saluran Aduan Integriti

# LAMAN INFO

## Majlis Bandaraya Pasir Gudang


Laman Web :
[www.mbgp.gov.my](http://www.mbgp.gov.my)


Talian Am :
**07-254 7777**


Email :
[mbgp@johor.gov.my](mailto:mbgp@johor.gov.my)

**PELAKSANAAN TERIMAAN TANPA TUNAI DI MBPG**  
**MULAI 1 JULAI 2025**

**HARI TANPA TUNAI**  
**PADA SETIAP HARI JUMAAT**  
**MULAI BULAN JANUARI HINGGA JUN 2025**

**PERKHIDMATAN KAUNTER YANG DISEDIAKAN**

- 01. DI ARAS 1 PEJABAT MBPG
- 02. KAUNTER MUAFAKAT JOHOR DI UTC PASIR GUDANG
- 03. KAUNTER BERGERAK DI SEKITAR PENTADBIRAN PASIR GUDANG

**5 KAEDAH YANG DISEDIAKAN**

- CEK
- KAD KREDIT/ DEBIT
- KIRIMAN WANG
- WANG POS
- QR KOD DUITNOW

**PASIR GUDANG** BANDAR RAYA INDUSTRI DAN PELABUHAN



www.mbgp.gov.my

www.mbgp.gov.my

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

majlisbandarayapg\_official



**Kursus**  
**PENGENDALIAN MAKANAN**

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

DIADAKAN SETIAP BULAN KEPADA PENGENDALI MAKANAN  
DI KAWASAN PASIR GUDANG

→ JOM SERTAI KAMI ! | YURAN : RM 50.00 / SEORANG

JABATAN KESIHATAN AWAM, PERSEKITARAN & PELESENAN  
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

SILA HUBUNGI : 07-2547747



www.mbgp.gov.my

mbgp@johor.gov.my

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

majlisbandarayapg\_official